

Penggunaan e-Perkhidmatan Secara Mandatori

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia atau HASiL telah membuat ketetapan dengan mewajibkan penggunaan e-Perkhidmatan bagi pelbagai perkhidmatan yang telah disediakan secara dalam talian melalui gerbang perkhidmatan Portal MyTax bermula pada 1 Januari 2024. Pendekatan ini sejajar dengan transformasi teknologi dan pendigitalan dalam sistem perkhidmatan percukaian. Keputusan ini dilakukan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pelanggan di samping menyokong hasrat kerajaan untuk menjadikan lebih banyak perkhidmatan secara dalam talian (End-to-End/ E2E) dan bagi memacu agenda pendigitalan ke seluruh negara.

Tindakan memperluaskan penggunaan e-Perkhidmatan ini dilakukan secara berperingkat sejak 1 September 2023 dan melibatkan bantuan Pegawai Khidmat Pelanggan HASiL untuk memastikan pembayar cukai yang hadir ke kaunter perkhidmatan HASiL dapat beralih daripada kaedah perkhidmatan konvensional kepada kaedah e-Perkhidmatan dengan lancar. Langkah ini juga diambil untuk memastikan akses kepada para pembayar cukai menjadi lebih mudah, selamat, dan pantas, serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan HASiL kepada pelanggan.

Bagi pembayaran cukai, HASiL menyokong penggunaan kaedah pembayaran secara dalam talian menggunakan ByrHASiL untuk memastikan keselamatan dan keteraturan transaksi.

Antara e-Perkhidmatan lain yang diwajibkan ialah Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem (STAMPS) yang memberikan kemudahan dalam urusan taksiran dan pembayaran duti setem. STAMPS yang telah ditambah baik dengan teknologi dan pelbagai ciri baharu pada 16 Julai 2017 telah membantu dan memudahkan pengguna melakukan urusan penyeteman dokumen yang dibuat secara dalam talian. Antara penambahbaikan dalam perkhidmatan STAMPS termasuklah pemberitahuan status permohonan penyeteman melalui e-mel dan penambahan ciri jejak dan kesan. Penggunaan ID pengguna tunggal juga diperkenalkan untuk pelbagai peranan dan berkongsi rekod transaksi antara pengguna yang sama. Penamatan penggunaan setem pelekat (Setem Hasil) dan mesin franki (franking machine) pos mulai 1 Januari 2024 merupakan proses peralihan yang diambil

oleh HASiL bagi mewajibkan penggunaan perkhidmatan STAMPS dalam urusan taksiran dan pembayaran duti setem. Tidak perlu hadir ke kaunter HASiL untuk melakukan semua transaksi berkaitan duti setem kerana perkara tersebut boleh dilakukan terus secara dalam talian melalui portal STAMPS di <https://stamps.hasil.gov.my>.

Pelaksanaan mandatori e-Perkhidmatan itu juga turut melibatkan keperluan untuk pengemukaan Borang Nyata (BN) secara e-Filing yang merangkumi kategori pembayar cukai seperti yang berikut:

Bil.	Kategori Pembayar Cukai	Jenis Borang	Tahun Taksiran
1.	Syarikat	Borang e-C	2014
2.	Perkongsian Liabiliti Terhad	Borang e-PT	2021
3.	Koperasi dan Amanah	Borang e-CS, e-TA, e-TC & e-TR	2024
4.	Individu, Perkongsian Pertubuhan dan Harta Pusaka	Borang e-BE, e-B, e-BT, e-M, e-MT, e-P, e-TF dan e-TP	2023
5.	Operasi Petroleum	Borang e-CPP dan e-CPE	2023
6.	Majikan		
	Syarikat/ Syarikat Labuan	Borang e-E	2016
	Selain Syarikat/ Syarikat Labuan	Borang e-E	2023

Untuk rujukan senarai penuh e-Perkhidmatan yang diwajibkan berserta penerangannya, layari pautan <https://www.hasil.gov.my/e-perkhidmatan/> manakala panduan penggunaan e-Perkhidmatan boleh diakses melalui Portal MyTax melalui pautan <https://mytax.hasil.gov.my/> > Panduan Penggunaan.

Maklumat lanjut berhubung dengan percukaian langsung yang lain boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL melalui www.hasil.gov.my serta sebarang pertanyaan dan maklum balas boleh dikemukakan melalui Borang Maklum Balas HASiL melalui pautan <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public>.

Sumber: Poster LHDNM




Penggunaan mandatori e-Perkhidmatan HASiL menerusi Portal MyTax mulai 1 Januari 2024.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



Kuiz: Penggunaan e-Perkhidmatan Secara Mandatori



Melintang

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia telah menetapkan pelaksanaan penggunaan _____ secara mandatori mulai 1 Januari 2024.
2. _____ merupakan kaedah pembayaran cukai secara dalam talian yang diperkenalkan untuk memastikan keselamatan dan keteraturan transaksi pembayaran.
3. Penamatan penggunaan _____ dan mesin franki pos mulai 1 Januari 2024 merupakan proses peralihan bagi mewajibkan penggunaan perkhidmatan STAMPS.
4. Pelaksanaan mandatori e-Perkhidmatan itu juga turut melibatkan keperluan untuk pengemukaan _____ secara e-Filing.
5. Bagi kategori pembayar cukai individu perlu mengemukakan borang nyata secara e-filing bermula _____.

Menegak

6. Proses pelaksanaan mandatori ini telah dilaksanakan secara berperingkat sejak _____ untuk membantu pembayar cukai yang hadir ke kaunter perkhidmatan HASIL beralih ke e-Perkhidmatan.
7. _____ membantu dan memudahkan pengguna melakukan urusan penyeteman dokumen dibuat secara dalam talian.
8. Kategori pembayar cukai _____ adalah mandatori menggunakan borang e-C bermula tahun taksiran 2014.
9. Bagi kategori pembayar cukai Perkongsian Liabiliti Terhad diwajibkan penggunaan _____ bermula tahun taksiran 2021.
10. Panduan penggunaan e-Perkhidmatan boleh diperolehi melalui Portal _____.

PERATURAN

1. Semua pembaca *Dewan Siswa* yang berumur antara 13 tahun hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
3. Tekaan hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **30 September 2024**. Jawapan yang diterima dengan lebih awal dan betul semua jawapannya akan diberikan keutamaan.
4. Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

Borang Penyertaan

Nama : No. Kad Pengenalan :

Alamat Rumah : No. Telefon :

..... Nama Bank :

..... No. Akaun Bank : (Akaun bank milik peserta)

Nama Sekolah/Institut : E-mel :

Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor *Dewan Siswa*, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 50460 Kuala Lumpur
atau e-melkan kepada sitiirni@dbp.gov.my atau syafiqahkhalid@dbp.gov.my

